



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 6 OGOS 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAHA 2022 MULA DAPAT SAMBUTAN MENGGALAKKAN, BH –ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	POKOK VANILLA JADI TARIKAN MAHA 2022, KOSMO –ONLINE	
3.	MAHA 2022: NAFAS TAWAR DISKAUN SEHINGGA 30 PERATUS, SH –ONLINE	
4.	TANAM POKOK DI KONDO, RUMAH FLAT GUNA CANOPYTECHTURE, KOSMO – ONLINE	
5.	SIN CHEW DAILY –ONLINE	
6.	SABAH ALLOCATES RM562M TO IMPROVE FOOD SELF-SUFFICIENCY, ASIA TIMES (SABAH) –ONLINE	
7.	SABAH PERUNTUKKAN RM561.82J TINGKATKAN SARA DIRI MAKANAN, ASIA TIMES (SABAH) –ONLINE	
8.	CASTLE OF FRUITS TAWAR 11,111 PRODUK, BH –ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MAHHA 2022 mula dapat sambutan menggalakkan

Orang ramai sanggup ambil cuti, tertarik pelbagai produk ditawarkan

Dr. Azhar Shahrudin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) bermula kelmarin hingga 14 Ogos ini mendapat sambutan menggalakkan.

Tinjauan *BH* semalam mendapati kebanyakan pengunjung sanggup ambil cuti pada semalam untuk mengelakkan kesesakan di MAHA pada hujung minggu ini.

Eksekutif Akaun syarikat swasta, Wan Azlin Wan Yusoff, 41, berkata beliau mengambil cuti untuk menghadiri MAHA 2022.



Wan Azlin Wan Yusoff

“Setiap tahun saya memang menantikan kehadiran MAHA. Jadi disebabkan perasan teruja, saya mengambil cuti semata-mata mahu hadir ke MAHA kali ini.

“Setakat ini, saya sudah membeli biji benih sayur dan selepas ini saya ingin mencari biji benih buah pula,” katanya.

Suri Rumah, Roslina Abu Bakar, 56, berkata sambutan MAHA kali ini adalah sangat baik.

“Saya gembira dengan MAHA kali ini kerana berjaya memenangi hadiah daripada pertandingan yang diadakan hari ini (semalam). Anak saya juga turut mendapat hadiah. Hanya suami belum bernasib baik.

“Selepas ini saya mahu mencari laman man sesuai diwujudkan hiasan laman. Kehadiran MAHA pada tahun ini sesuai dengan perancangan saya untuk membuat ladang hiasan,” katanya.

Ekspu perikanan

Sementara itu, Penurus Operasi Perikanan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Ahmad Haniff Mohamad Khidzir, berkata NEKMAT menasarkankan untuk memfokus-



Orang ramai mengunjungi Pameran MAHA 2022 di MAEPS, Serdang, semalam. (Foto: Mohamad Shahril Badri Saifirah)

kan produk hasil perikanan ke seluruh negara.

“Produk yang kami pameran hari ini (semalam) adalah berasaskan ikan. Kami membuka kafe khas yang menjual menu istimewa yang boleh didapati di MAHA 2022 sahaja.

“Sambutan yang diterima semalam (kelmarin) dan pagi ini (semalam) sangat baik. Kami berharap momentum kami akan terus kekal sehingga ke penghujung MAHA 2022,” katanya.

Penolong Pengarah (Seksyen

Industri Pertanian) Jabatan Pertanian, Sharifah Erlena Syed Alwi, berkata tujuan jabatan itu ke MAHA 2022 adalah bagi mempromosikan produk daripada usahawan Bumiputera tempatan.

“Kami mempromosikan produk tempatan yang terdiri daripada aiskrim dan kerepek buatan usahawan tempatan.

“Jabatan Pertanian sasarkan jualan sebanyak 100 unit produk sehari dan 1,500 unit produk dapat dijual pada penghujung MAHA 2022,” katanya.

Anak Pahang jadi rujukan selepas jadi orang pertama berjaya tuai hasil

Pokok vanila jadi tarikan MAHA 2022

MAHA 2022

Malaysia Agri-Kultur, Hortikultur & Agribusiness Show

Oleh **HARRITH HISMAN**

SERDANG – “Vanila asli adalah yang terbaik dan saya berharap dapat berkongsi pencapaian ini bersama orang lain.”

Demikian pendedahan pengeluar vanila pertama negara, Mohamad Feisal Muhamied Norawi, 40, berhubung tumbuhan itu yang diusahakan sejak 14 tahun lalu.

Mengimbu semua mengenai usahanya, pemilik Amani Vanila itu memberitahu, dia berdepan dengan pelbagai cabaran dan detik sukar dalam tempoh enam tahun pertama selepas membuat keputusan untuk mengusahakan tanaman tersebut.

Bagaimanapun, lelaki yang berasal dari Temerloh, Pahang itu memberitahu, ujian itu tidak melunturkan semangatnya un-



MOHAMAD FEISAL (tengah) menunjukkan produk yang dihasilkan daripada pokok vanila di Serdang semalam.

tuk terus memelopori tanaman tersebut.

“Sebelum saya, ada orang cuba tanam vanila tetapi tak berjaya keuarikan hasil. Saya ambil

masa enam tahun sebelum dapat menyaksikan hasil pertama pada tahun 2014.

“Banyak pihak dari pelbagai negara mula memberikan per-

hatian sehingga mereka datang ke ladang di Pahang dan dari situ saya tahu potensi vanila di Malaysia adalah sangat besar.” katanya ketika ditemui di Pameran

Pertanian, Hortikultur dan Agro-peluncungan Malaysia (MAHA) 2022 di sini semalam.

Menurut Mohamad Feisal, dia kini menyediakan latihan kepada mana-mana individu yang berniat untuk mengusahakan tanaman tersebut bagi menampung permintaan kerana lebih 90 peratus produk vanila di pasaran adalah tidak tulen.

Tambahnya, harga sekilogram buah vanila hijau RM120 hingga RM130, manakala yang kering mencecah RM1,300.

“Saya mahu Malaysia dapat menjadi pengeluar vanila berkualiti! Objektif kami ialah untuk mengusahakan lebih banyak ladang dengan penglibatan pengusaha lain yang boleh mengeluarkan produk kepada pengguna,” katanya.

Amani Vanila yang terkenal dengan produk alskrim berperisa vanila itu turut menjadi tumpuan utama di Pavillion Negeri Pahang di sini yang menampilkan pelbagai produk seperti serbuk, ekstrak dan anak pokok

MAHA 2022: Nafas tawar diskaun sehingga 30 peratus



KHAIRUL IZZAT



MAS AYU

SERDANG - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menawarkan promosi produk sehingga 30 peratus sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang berlangsung pada Khamis hingga 14 Ogos ini.

Eksekutif Pemasaran Nafas, Mas Ayu Chek Amat berkata, beberapa produk terpilih daripada jenama Peladang ditawarkan potongan harga sekitar 20 peratus hingga 30 peratus bagi setiap pembelian.

"Di MAHA, kami cuba melakukakan jualan air secara barista klasik sejuk dan panas bagi mewakili produk runcit yang kami jual.

"Di samping itu, kami juga ada produk daripada Pertubuhan Peladang Kawasan Cameron Highlands bagi produk aiskrim pesticide yang mempunyai pelbagai perisa seperti strawberi.

"Dari segi harga, memang kita ada menawarkan promosi sehingga 30 peratus daripada harga jualan biasa," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di Pavilion Nafas di

- Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022**
- 4 hingga 14 Ogos 2022
 - 10 pagi hingga 10 malam
 - Pavillion Nafas Dewan A. Maeps, Serdang
 - Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok
 - Nafashq



Gelagut orang ramai yang mengunjungi Pavillion Nafas sempena MAHA 2022 di Maeps, Serdang pada Jumaat.



Dewan A. Tarian Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (Maeps) di sini pada Jumaat.

Sementara itu, Eksekutif Pemasaran Nafas Food, Khairul Izzat Basir pula berkata, turut terdapat produk berasaskan ayam proses dengan diskaun sekitar RM2 bagi setiap item.

Menurutnya, produk yang dibekalkan itu antaranya ayam potong 14, ayam potong satu kilogram (kg), paha ayam tanpa tulang dan isi dada tanpa tulang.

"Jadi, untuk setiap produk kita tawarkan diskaun sebanyak RM2 daripada harga

runcit.

"Sebagai contoh, kalau ayam potong satu kg kita jual harga runcit sekitar RM18, tetapi di MAHA kita jual dengan harga RM16 manakala untuk paha ayam tanpa tulang daripada RM22 kepada RM20," katanya.

Sehubungan itu, orang ramai disarankan supaya tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan harga istimewa tersebut.

Sebarang maklumat lanjut berhubung aktiviti dan program anjuran Nafas sepanjang di MAHA 2022 juga boleh didapati dengan melayan platform media sosial Nafas di Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok.

Tanam pokok di kondo, rumah flat guna canopytechture

SRDANG - Kaedah menanam tumbuhan menjar menjadi lebih mudah dengan menggunakan sistem canopytechture yang bukan sahaja mencantikkan laman, malah sesuai untuk rumah kecil seperti rumah pangsa dan kondominium.

Penolong Pegawai Penyelidik Kanan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Helmey Othman berkata, kaedah itu sesuai untuk pelbagai pokok buah-buahan, sayuran dan bunga menjar seperti tembikai, rock melon, markisa, timun, kacang panjang, petola dan lain-lain.

Katanya, pemilik tidak perlu menyiram pokok setiap hari sebaliknya hanya memastikan air dalam pasu yang telah diubah suai mampu bertahan selama seminggu.

"Sistem itu dibangunkan dengan anggaran kos antara RM300 hingga RM400 dan boleh dipelajari penjurung di Laman Agro-Food Sayuran dan Herba pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

"Terdapat besi di tengah pasu sebagai tempat untuk pokok menjar. Pegerakan pokok menjar perlu diasuh dan kita akan terangkan kepada mereka



HELMY menunjukkan canopytechture laku kaedah penanaman tumbuhan menjar sempena MAHA 2022 di MAEPS Serdang semalam.

yang berkunjung ke gerai ini," katanya ketika ditemui di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini. Menurut Helmey, sistem itu boleh diletakkan di balkoni pangsapuri atau kondominium dengan mengubah suai saiz besi di tengah pasu. "Tambahan, harga mencecah ratusan disebabkan penggunaan besi tetapi pasu dianggarakan hanya bernilai RM50. "Segala penerangan mengenai penanaman pokok menggunakan sistem ini boleh diperolehi di sini termasuk kaedah pendebungaan secara manual di rumah menggunakan bunga jantan dan betina untuk pokok berbuah," katanya.

罗纳建迪
 (左三)获大
 马渔业局总
 监赠送为
 念苏菲安
 末苏菲安
 念品;左起
 罗碧雅和
 阿末海
 沙;右起
 为海因
 希娜;曼
 和哈斯
 丽辉
 娜。(黎
 秉辉
 摄)



農長:漁業局與3大學合作

研究技術提升漁穫

(沙登5日讯)农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪表示,大马渔业局(DOF)与国内3所公立高等学府(IPITA)之间的合作,将有助于促进大马渔业的发展,并进一步支持国家粮食安全的目标。

他说:“这项分享研究专业知识的合作,在满足渔业在社会和经济的需求方面非常重要,特别是在支持国家粮食安全议程方面。”

“本次合作将从各个技术方面鼓励渔业的发展,以满足大马人民预计在2030年时,对渔获的需求达到255万吨的目标。”

罗纳建迪今天下午出席于沙登农业博览馆(MAEPS)举行的2022年农业、园艺及农业旅游博

览会(MAHA),见证大马渔业局和马大(UM)、国立大学(UKM)和北方大学(UUM)签署谅解备忘录仪式。

渔业面临生产成本增等挑战

他过后向记者表示,我国渔业当前面临生产成本增加、过度捕捞、鱼病问题、气候变化以及天气不稳定等各种挑战,对鱼品供应保障产生负面影响。

因此,该谅解备忘录有望通过向包括海洋和陆地渔业生态学、现代水产养殖(养殖者)的发展和海洋学等研究领域在内的目标群体,转让渔业技术、共享科学信息和优质服务来促进渔业发展,从而提高生产力贡献的价值。

出席嘉宾包括农业及食物工业部副部长拿督斯里阿末韩沙、秘书长拿督哈斯丽娜、高教部副总监罗碧雅、北大校长海因希曼、国大副校长拿督旺嘉马以及马大研究管理与服务中心主任赛夫安努亚。

Sabah allocates RM562m

to improve food self-sufficiency

KOTA KINABALU: The Sabah Government has allocated a total of RM561.81 million under the 2022 Budget to ensure sustained productivity and quality of her agricultural products.

Chief Minister Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor said it was also to ensure that the Self-Sufficiency Level (SSL) is increased annually through various modernisation initiatives. He said the agriculture sector which covers crops, livestock and fishery is one of the three main economic sectors of the five-year Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ) Development Plan from 2021. The other two main economic sectors in the Hala Tuju SMJ Plan are the manufacturing industry and tourism, which among others are to build a united, peaceful and prosperous state and society, optimise its resources and revenue and improve the people's economy. Speaking at the 12th Edition of the Livestock, Aquaculture and Agriculture (LAA Sabah) Exhibition at the Sabah International Convention Centre (SICC) here on Friday, he said the economic growth will be driven by a faster-than-expected recovery in consumer demand, greater investor confidence, and consequently a more robust recovery in domestic economic activity. Hajiji said Sabah is among the main

exporters of fresh fish produce in Malaysia, contributing RM2.03 billion or about 15.7 per cent annually to the state's Gross Domestic Product.

"The State Government is focusing on downstream processing for its capture fishery into high-quality products. With the Federal empowerment on deep sea fishing to the Fisheries Department of Sabah, there are huge potentials for investors to venture into deep fishing and related downstream industries," he said. Hajiji said the prospect remained bright for the livestock sector as further expansion and effective improvement in key strategic enablers is in sight that will enhance the value chain systems of the entire industry. "By 2030, the population of buffalo and cattle will be 26,248 head and 148,305 head respectively. The SSL for beef is projected to increase throughout the period until it reaches 21.3 per cent by 2030," he said. "The agriculture industry is an important contributor to the Malaysian economy by providing rural employment, uplifting rural income and ensuring national food security. It also acts as a catalyst and key pillar to the country's export," he said. "This is also an opportune time seeing that East Malaysia itself is a growth market for the agriculture, livestock and fishery and



aquaculture," he said, adding that Sabah, Sarawak and Labuan have a total combined population of 6 million in 2021. Sabah's agriculture sector alone contributed 15.9 per cent to the State's Gross Domestic Product (GDP) in 2021, the third highest contribution after its services sector at 47 per cent and mining and quarrying at 26 per cent. On the LAA Sabah concurrently held with the Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism (MAHA 2022), the Chief Minister believed it would serve as an invaluable platform for participants to develop business partnerships, build new networks and to catch up on the latest industry trends. With the commitment and efforts of the government in transforming this sector plus the rapid development of information technology and communication, the agriculture sector is still promising despite some issues and challenges. "I am confident that the agriculture sector will prevail despite some issues and challenges and will continue to grow with the commitment and efforts of the government in transforming this sector coupled with the rapid development of information technology and communication," he said.

Sabah Peruntukkan RM561.82J Tingkatkan Sara diri Makanan

KOTA KINABALU: Kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah RM561.81 juta di bawah Belanjawan 2022 untuk memastikan produktiviti dan kualiti produk pertanian Sabah yang mampan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor, berkata ia juga bagi memastikan Tahap Sara Diri (SSD) Sabah ditingkatkan secepat mungkin melalui pelbagai inisiatif permodenan.


Beliau berkata sektor pertanian yang meliputi tanaman, penternaan dan perikanan adalah satu daripada tiga sektor ekonomi utama dalam Pelan Pembangunan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ) selama lima tahun bermula 2021.

Dua lagi sektor ekonomi utama dalam Hala Tuju SMJ ialah industri pembuatan dan pelancongan, yang antara lain membina negeri dan masyarakat yang bersatu padu, aman dan makmur, mengoptimumkan sumber dan hasil negeri serta meningkatkan ekonomi rakyat.

Berucap pada Pameran Ternakan, Akuakultur dan Pertanian (LAA Sabah) ke-12 di Sabah International Convention Centre (SICC) di sini pada Jumaat, beliau berkata pertumbuhan ekonomi akan didorong oleh pemulihan permintaan pengguna luar jangkaan yang pesat, keyakinan pelabur yang lebih tinggi, dan seterusnya pemulihan yang lebih teguh dalam aktiviti ekonomi domestik.

Hajiji berkata Sabah adalah antara pengeksport utama hasil ikan segar di Malaysia, menyumbang RM2.03 bilion atau kira-kira 15.7 peratus setahun kepada Keluaran Dalam Negera Kasar (KDNK) negeri.

"Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada pemprosesan hiliran untuk hasil perikanan menjadi produk berkualiti tinggi. Dengan penurunan kuasa perikanan laut dalam oleh Persekutuan kepada Jabatan Perikanan Sabah, terdapat potensi besar untuk pelabur menceburi industri perikanan dalam dan hiliran berkaitan," katanya.



HAJIJI HAJI NOOR

Hajiji berkata prospek bagi sektor ternakan juga kekal cerah bagi sektor perikanan berkaitan pengembangan dan penambahbaikan berkesan dalam pemboleh strategik utama yang dijangka akan meningkatkan sistem rantaian nilai keseluruhan industri.

"Menjelang 2030, populasi kerbau dan lembu masing-masing ialah 26,248 ekor dan 148,305 ekor. SSD bagi daging lembu diunjurkan meningkat sepanjang tempoh sehingga mencapai 21.3 peratus menjelang 2030," katanya.

"Industri pertanian adalah penyumbang penting kepada Ekonomi Malaysia dengan menyediakan pekerjaan

luar bandar, meningkatkan pendapatan luar bandar dan memastikan keselamatan makanan negara. Ia juga bertindak sebagai pemangkin dan tonggak utama kepada eksport negara," katanya.

"Ini juga masa yang sesuai untuk melihat bahawa Malaysia Timur sendiri merupakan pasaran pesat untuk pertanian, penternaan dan perikanan serta akuakultur," katanya sambil menambah bahawa jumlah keseluruhan penduduk Sabah, Sarawak dan Labuan adalah seramai 6 juta pada 2021.

Sektor pertanian Sabah sahaja menyumbang sebanyak 15.9 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri pada 2021, sumbangan ketiga tertinggi selepas sektor perkhidmatan sebanyak 47 peratus dan perniagaan dan kuar (26 peratus).

Mengenai LAA Sabah yang diadakan serentak dengan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHAL) 2022 Ketua Menteri percaya ia akan menjadi platform yang besar maknanya kepada peserta untuk membangunkan perkongsian perniagaan, membina rangkaian baharu dan mengikuti trend industri terkini.

Dengan komitmen dan usaha kerajaan dalam mentransformasikan sektor ini ditambah dengan komunikasi, sektor pertanian masih menjanjikan sesuatu walaupun terdapat beberapa isu dan cabaran.

"Saya yakin sektor pertanian akan terus berjaya walaupun terdapat beberapa isu dan cabaran serta akan terus berkembang dengan komitmen dan usaha kerajaan dalam mentransformasikan sektor ini ditambah dengan perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi," katanya.

Castle Of Fruits tawar 11,111 produk

Serdang: 'Castle Of Fruits' menawarkan 11,111 produk jualan meliputi buah-buahan, sayur-sayuran, florikultur dan input pertanian pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang bermula kelmarin hingga 14 Ogos di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), di sini.

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMMA), Datuk Mohamad Mustahapa Awang, berkata 'Castle Of Fruits' membawa tema Istana Kenangan Perak itu membabitkan 99 lot jualan dan penyertaan 82 usahawan.

"Laman kami ini menawarkan kepelbagaian produk agrorakaman secara terus kepada pengguna dan pada masa sama FAMMA turut akan melaksanakan aktiviti promosi buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan bagi meningkatkan penggunaan per kapita," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata, untuk edisi tahun ini 'Castle Of Fruits' bakal mengentengahkan buah-buahan dari keluarga 'artocarpus' seperti nangka, cempedak dan sukun sebagai 'Fruits of Events'.

"Kami juga akan memper-



Pengunjung mengambil peluang singah ke Castle Of Fruits bagi melihat pokok jualan seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan florikultur di MAHA 2022.

kenalkan nangka sebagai 'super-food' di Malaysia kerana banyak khasiatnya dan pelbagai produk berasaskan nangka juga semakin banyak di pasaran seperti kerpek nangka, menjadikan buah ini semakin mendapat permintaan di dalam dan luar negara.

"Orang ramai juga boleh mendapatkan pelbagai produk hiliran berasaskan buah itu seperti tart nangka yang menggunakan resipi sejak 1916, nugget, kerpek dan burger nangka dan satu 'show-

case' pelbagai buah daripada keluarga 'artocarpus' juga akan diadakan," katanya.

Parkiran cempedak nangka

Mohamad Mustahapa turut menjelaskan nangka dan cempedak mendapat permintaan tinggi di pasaran susulan peningkatan jumlah pengehuarannya pada tahun 2020 sebanyak 60,093 metrik tan berbanding 59,174 metrik tan pada 2019.

Katanya, selain 'Castle Of

Fruits', pada edisi tahun ini FAMMA turut menampilkan Empayar Makanan, 'Agrotrade' dan 'Food Truck Fiesta'.

Empayar makanan yang bertemakan Makanan Keluarga Malaysia bakal menyajikan menu popular dari seluruh negara bertujuan mempromosikan kepelbagaian makanan dan minuman kepada pengunjung, sekali gus dapat meningkatkan permintaan terhadap hasil pertanian tempatan melalui perkembangan positif dalam industri kuliner negara.

Mohamad Mustahapa berkata, sebanyak 63 lot jualan makanan disediakan dan menyaksikan sebanyak 679 menu makanan dijual.

Selain itu, 'Agrotrade' akan berfungsi sebagai pusat sehati kepada usahawan perusahaan kecil dan sederhana agromakanan tempatan untuk mendapatkan khidmat nasihat, rundingan, perkhidmatan dan bantuan daripada kerajaan bagi menceburi bidang pengeksporan.

"Agrotrade membabitkan empat seksyen utama iaitu 'International Trade Services, Export Ready Boulevard, Export Mimi Hub' 'permarker' dan Business Centre," katanya.

BERNAMA